**Perhatian!**

Kepada para pembaca yang mengemukakan pertanyaan-pertanyaan di ruangan "1001 Masalah" ini kita harap mengambil perhatian syarat-syarat bertanya seperti di bawah ini:

1. Sekali bertanya hendaklah jangan lebih dari dua soalan sahaja. Kerana untuk memberi peluang kepada penanya-penanya yang lain.

2. Kerana majalah Qalam berdasarkan agama, maka setiap pertanyaan yang dikemukakan hendaklah di sekitar hukum-hukum atau sejarah yang bersungguh dengan agama sahaja.

3. Nama dan alamat penanya hendaklah ditulis dengan terang.

4. Pertanyaan-pertanyaan hendaklah jangan bertujuan untuk membalas dendam yang membawa kepada perpecahan sesama Islam.

Sekianlah harap maklum!

**Abu al-Mokhtar**

Pertanyaan daripada:

En. Khairuddin Yusuf,

Kampung Luat – Lenggong, Perak.

1. Saya berusaha tanah simpan kerajaan (rizab). Kemudian tanah itu dapat ke tangan saya setelah memberi duit kepada pewaris. Maka adakah kelakuan saya ini dikatakan tumbuk rusuk (rasuah)? Sedangkan rasuah itu haram. Diharap tuan memberi jawapannya.

2. Di tempat saya banyak kaum-kaum bapa mengatakan Kaum Muda itu salah dan pengikut Kaum Tua itu betul. Mana satu yang betul?

3. Di kampung saya banyak orang mengatakan telur lelabi itu halal, sedangkan ibunya itu haram, sungguhkah yang demikian. Jika sungguh di manakah tempat *qiyās*nya?

**Jawab (1)**

Perbuatan tuan memberi wang kepada pewaris itu sudah dianggap rasuah atau tumbuk rusuk. Kerana tuan memberi wang kepadanya itu tentulah dengan tujuan supaya tanah rizab itu dapat ke tangan tuan. Kalau wang itu tidak diberi, tuan merasa ragu-ragu adakah tanah rizab yang tuan kehendaki itu akan dapat tuan miliki atau boleh jadi akan terlepas ke tangan orang lain. Inilah yang dinamakan "rasuah".

Rasuah adalah suatu perbuatan yang sangat dilarang oleh Islam, orang yang memberi rasuah dan orang yang menerima kedua-duanya dilaknat oleh Allah sebagaimana sabda Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* di dalam suatu hadith yang berbunyi:

***"La'ana Allāhi al-rāshī wa al-murtashī".***

Ertinya: "Allah melaknat orang yang memberi rasuah dan orang yang menerima rasuah itu."

Kalau sudah Rasulullah sendiri mengatakan demikian, alangkah buruknya nasib setiap orang yang telah dilaknat oleh Tuhan itu! Ini memang tak dapat kita sangkali. Kalau kita meninjau sejarah perkembangan umat manusia. Kita sendiri dapat menyaksikan setiap bangsa yang telah dilaknati Tuhan maka sudah pasti bangsa itu keadaan hidupnya tidak aman, masyarakatnya kucar-kacir, dan negaranya terancam. Contoh yang lebih dekat sekali lihat sahajalah bangsa Yahudi. Dari sejak beratus-ratus abad yang silam keadaan hidup bangsa Yahudi ini tak pernah bertemu dengan keamanan dan ketenteraman. Di sana mereka dihalau dan di sini mereka diusir, malahan di mana-mana juga bangsa Yahudi itu tinggal menetap mereka tidak akan merasa aman, sekalipun kita ketahui bangsa Yahudi ini satu bangsa yang terkaya yang dapat monopoli ekonomi negara mereka sentiasa di dalam ancaman. Inilah nasib yang ditimpakan oleh

sesuatu bangsa yang telah dilaknat dan dikutuki Tuhan.

Begitu pula halnya dengan orang-orang yang suka menerima rasuah yang telah mendapat laknat Allah itu. Hidupnya tidak akan aman dan jiwanya tidak akan tenteram, sekalipun ia dikelubungi oleh harta kekayaan yang bertimbun-timbun, lantaran harta kekayaan yang didapatinya itu bukan dengan jalan halal yang diredai oleh Allah S*ubḥānahu wa Ta'ālā* .

Bahaya rasuah ini bukan sahaja merosakkan peribadi seseorang, malahan merosakkan sesuatu umat dan negara. Kalau sesuatu umat itu jiwanya telah dihinggapi oleh penyakit "rasuah", maka keadaan ekonomi negaranya pasti akan jatuh merosot.

Oleh yang demikian itulah kerajaan kita sangat mengambil berat adanya penyakit "rasuah" ini menular ke dalam jiwa pegawai-pegawai kerajaan. Penyakit "rasuah" ini adalah membahayakan masyarakat, bangsa dan negara keseluruhannya.

**Jawab (2)**

Sebenarnya soal "Kaum Muda dan Kaum Tua" tidak ada di dalam Islam. Soal ini sudah agak lama diperselisihkan oleh dua golongan umat Islam yang mendakwa diri mereka "Kaum Tua dan Kaum Muda". Akibatnya timbullah perpecahan dan pergeseran yang tak habis-habisnya di kalangan umat Islam sesama sendiri. Perkara ini sangat dilarang oleh Islam yang sentiasa ingin melihat penganut-penganutnya bersatu padu dan bersefahaman di dalam satu masyarakat Islam yang tegak dan konkrit.

*'Alā kulli ḥāl* sedikit sebanyak soal ini telah kita bentangkan di ruangan ini bagi menjawab satu pertanyaan yang dikemukakan oleh seorang pembaca majalah Qalam dari Sarawak. [Sila tuan lihat majalah Qalam bilangan 216].

**Jawab (3)**

Telur lelabi atau telur penyu itu halal dimakan kerana ia dikeluarkan dari binatang air yang bukan dari jenis binatang yang buas, meskipun daging lelabi dan daging penyu itu tidak halal dimakan kerana ia daripada jenis binatang yang hidup di dua negeri (laut dan darat), tetapi kalau binatang air itu daripada jenis binatang yang buas seperti buaya, maka telurnya tidak boleh dimakan.

Masalah ini tidak ada tempat *qiyās*nya, hanya bersandarkan kepada penyelidikan yang telah dijalankan oleh para doktor haiwan (Veterinary Medicine) yang mengatakan telur dari binatang-binatang yang buas itu mengandungi sejenis racun yang membahayakan. Seperti telur ular sawa, telur ikan paus dan sebagainya.

Jadi sebelum berkembangnya ilmu kedoktoran dan haiwan dengan secara meluas di zaman moden ini, Islam lebih dahulu telah mengetahui akan bahaya telur binatang yang mengandungi racun itu. Oleh sebab itulah Islam melarang manusia memakan telur binatang yang dikeluarkan dari binatang-binatang buas dan menghalalkan telur binatang yang dikeluarkan dari binatang yang bukan dari jenis binatang-binatang yang buas seperti penyu dan lelabi yang saudara tanyakan di dalam masalah ini.

* * *

Pertanyaan daripada:

Muhammad Abdul Wahab Muhammad Nur
Sekolah Menengah Kebangsaan
Tengku Durah Seremban N. S.

Di sini sukalah saya mengemukakan satu pertanyaan, iaitu pakaian bagaimanakah yang sepatutnya dipakai oleh perempuan-perempuan Islam dan bagaimana pula pandangan kitab suci al-Qur'ān dan al-ḥadīth di dalam masalah ini?

**Jawab**

Berhubung dengan pertanyaan saudara: "Pakaian bagaimanakah yang sepatutnya dipakai oleh perempuan-perempuan Islam" itu, jawapannya bolehlah saudara lihat kulit majalah Qalam bilangan (217) keluaran bulan yang lalu. Cantik, kemas dan tidak mengghairahkan bukan? Kalau seluruh wanita Islam berpakaian demikian, tentu tak ada siapa pun yang berani mengganggu mereka, walau ke mana mereka pergi, lantaran pakaian secara Islam ia ada kehormatannya. Kalau mereka pandai menjaga kehormatan diri, maka dengan sendirinya orang akan menghormati mereka. Tetapi kalau kita sendiri jual maruah, merebang ke sana merebang ke mari, terselak di sana terselak di sini dan terdedah di atas, terdedah di bawah, maka banyaklah syaitan-syaitan yang akan menggoda, banyaklah iblis-iblis yang akan mengekor.

Berkenaan pandangan kitab suci al-Qur'ān dan al-ḥadīth di dalam masalah ini tersangat banyak, di antara firman Allah di dalam surah al-Nūr ayat (31):

***"Wa qul li al-mu'mināti yaghḍuḍna min abṣārihinna wa-yaḥfaẓna furājahunn, wa lā***

***yubdīna illā*[1] *mā ẓahara minhā walyaḍribna bi khumurihinna 'alā juyūbihinna wa lā yubdīna zīnatahunn..*"** Ertinya: "Dan katakanlah (wahai Muḥammad) kepada orang-orang *Mu'mināt* (wanita-wanita Islam yang beriman) supaya mereka menutup pemandangan dan kehormatannya, jangan mereka memperlihatkan perhiasannya melainkan sekadar apa yang lahir sahaja. Dan hendaklah mereka hulurkan tudung kepala mereka sampai di atas dada mereka, janganlah mereka memperlihatkan perhiasan mereka…"

Ada pun batasan perhiasan zahir yang tersebut di dalam ayat di atas ada diterangkan di dalam suatu hadith diriwayatkan oleh Ibn Jarīr yang maksudnya: "Telah berkata Ibn 'Abbās: 'Perhiasan yang zahir itu ialah muka, celak di mata, bekas inai di tangan dan cincin di jari'"

Ayat-ayat dan hadith-hadith yang lain mengenai aurat perempuan yang wajib ditutup silalah saudara menatap majalah Qalam bilangan 217 muka surat 16 dan 17 di sana ada didapati sebuah makalah khas berhubung dengan aurat perempuan-perempuan serta dibawakan beberapa contoh tentang pakaian yang dipakai oleh wanita Islam di negeri Turkistan dan Yugoslavia.

**Abu al-Mokhtar.**


BUKU BARU SUDAH SIAP

ISLAM

PEMELUK DAN ULAMA-NYA

* MENGANALISA dengan tegas tentang kejahilan Pemeluk2 Islam terhadap hukum ugama yang mereka anuti, sa-hingga mereka menjadi suatu ummat yang mundur di-dunia ini.
* MENGUPAS dengan panjang lebar tentang kelebehan, kemantapan dan keindahan undang2 Islam chiptaan Tuhan dari undang2 dunia chiptaan manusia.
* MENENTANG dengan keras ka-atas orang2 yang menda'wa hukum2 dalam Shari'at Islam itu tidak sesuai lagi di-praktekkan dalam zaman moden.
* MENGKERITIK dengan terus terang terhadap Pemembesar2 Negara, Pemimpin2 Islam dan Para Ulama'-nya yang tidak mahu bertanggong-jawab menegakkan sa-buah negara yang berchorak Islam.
* TEBAL-NYA 175 muka, berkulit tebal warna warni. Di-chetak dalam huruf rumi dengan menggunakan jalan bahasa yang mudah di-faham oleh semua golongan masharakat.

Harga Sa-buah $3.00

Pos 20 sen.

Pesan-lah kapada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.


[1] Perkataan sebenar ialah *yubdīna zīnatahunna illā*.